

NO. SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Majlis Halal Malaysia (MHM) bercadang meletakkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Industry Development Corporation (HDC) di bawah satu Kementerian bagi memudahkan koordinasi dan kerjasama antara kedua-dua jabatan dan agensi Kerajaan tersebut.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan dan pembangunan industri halal Malaysia merupakan aktiviti gabungan pelbagai pihak dan agensi. Bidang utama dalam Halal Malaysia dipelopori oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri-negeri(MAIN/JAIN), Jabatan

17

Standard Malaysia, Halal Industry Development Corporation(HDC) dengan sokongan oleh pelbagai agensi.

Manakala Majlis Halal Malaysia (MHM) ditubuhkan bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan industri halal negara secara lebih strategik, efektif dan menyeluruh. Usaha ini akan dapat merealisasikan matlamat bagi mewujudkan ekosistem halal yang komprehensif di Malaysia dengan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh agensi-agensi yang berkaitan. JAKIM dipertanggungjawabkan dalam aspek urus tadbir pensijilan halal dalam dan luar negara, manakala HDC pula berperanan dalam pembangunan industri dan pengantarabangsaan industri halal. Walau bagaimanapun, dengan adanya Majlis Halal Malaysia, kedua-dua agensi ini dapat diselaraskan dengan baik.

Justeru pada masa ini, JAKIM dan HDC akan kekal berada di Kementerian sedia ada. Koordinasi serta kerjasama antara jabatan dan agensi ini juga adalah selaku sekretariat tetap Majlis Halal Malaysia. Sekretariat tetap MHM terdiri daripada pegawai-pegawai daripada JAKIM, HDC dan Jabatan Standard Malaysia.

Sekian, terima kasih.